


Bil. S 3



**AKTA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI
(Penggali 77)**

ATURAN-ATURAN TABUNG DANA BAGI PEMBINAAN MASJID, 2026

SUSUNAN ATURAN-ATURAN

Aturan

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN 2

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

3. Penubuhan Lembaga Pemegang Amanah
4. Keahlian Lembaga
5. Kakitangan Kerajaan
6. Mesyuarat Lembaga
7. Penamatan lantikan ahli Lembaga
8. Kekosongan jawatan dalam Lembaga
9. Tanggungan ahli
10. Pendedahan ahli-ahli mengenai kepentingan dalam urusan Tabung Dana
11. Tugas dan kewajiban Lembaga
12. Tugas dan kewajiban Lembaga dalam kewangan Tabung Dana

13. Lembaga mematuhi arahan Majlis

BAHAGIAN 3

URUS SETIA

14. Urus Setia Tabung Dana
15. Tugas dan kewajipan Urus Setia

BAHAGIAN 4

KUASA MAJLIS

16. Kuasa-kuasa Majlis
17. Majlis mewakilkan tugas dan kuasa
18. Kuasa membuat arahan-arahan
19. Akaun Tabung Dana

BAHAGIAN 5

AM

20. Audit
21. Kuasa juruaudit
22. Pengemukaan penyata kewangan dan laporan beraudit
23. Pengecualian wang dan hasil Tabung Dana
-

**AKTA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI
(Panggal 77)**

ATURAN-ATURAN TABUNG DANA BAGI PEMBINAAN MASJID, 2026

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 203(j) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Ugama Islam dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid, 2026 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Pindaan), 2026.

Tafsiran

2. Dalam Aturan-Aturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"aset" termasuk pelbagai jenis harta alih dan tak alih;

"Lembaga" bermakna Lembaga Pemegang Amanah Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid yang ditubuhkan oleh aturan 3;

"Pengerusi" bermakna Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah aturan 4(1);

"tahun kewangan" bermakna tempoh 12 bulan yang berakhir pada 31 haribulan Disember setiap tahun;

"Urus Setia" bermakna Urus Setia Tabung Dana yang dilantik di bawah aturan 14.

BAHAGIAN 2

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Penubuhan Lembaga Pemegang Amanah

3. Hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Pemegang Amanah yang digelar Lembaga Pemegang Amanah Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid yang hendaklah memanfaatkan sepenuhnya penggunaan Tabung Dana.

Keahlian Lembaga

4. (1) Ahli Lembaga hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, atas nasihat Yang Dipertua Majlis dan selepas berunding dengan Majlis, yang terdiri daripada —

- (a) Naib Yang Dipertua Majlis sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Mufti sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) wakil Mufti Kerajaan;
- (d) Setiausaha Majlis;
- (e) Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri atau wakil;
- (f) Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan atau wakil;
- (g) Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan dan Ekonomi atau wakil;
- (h) Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama atau wakil;
- (i) Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atau wakil;
- (j) Pengarah Hal Ehwal Masjid sebagai ahli dan Setiausaha Lembaga;
- (k) dua orang ahli lain yang terdiri dari ahli Majlis; dan
- (l) mana-mana ahli profesional lain yang mempunyai kelayakan, pengetahuan atau pengalaman dalam institusi kewangan.

(2) Ahli-ahli yang dilantik hendaklah terdiri daripada kalangan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang beragama Islam.

(3) Ahli-ahli yang dilantik di bawah aturan kecil (1) hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi 3 tahun dan boleh dilantik semula.

(4) Aturan kecil (3) tidak dikenakan kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Setiausaha Lembaga.

(5) Jika Pengerusi tidak dapat menjalankan tugasnya di bawah Aturan-Aturan ini kerana sakit, tidak berada di Negara Brunei Darussalam atau apa-apa jua sebab lain, maka tugas-tugasnya hendaklah dijalankan oleh Timbalan Pengerusi.

Kakitangan Kerajaan

5. Semua ahli Lembaga hendaklah dianggap sebagai kakitangan Kerajaan bagi maksud-maksud Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22).

Mesyuarat Lembaga

6. (1) Pengerusi hendaklah memanggil mesyuarat Lembaga seberapa kerap yang mungkin dikehendaki, tetapi tidak kurang sekali dalam 4 bulan.

(2) Pada tiap-tiap mesyuarat Lembaga, korum hendaklah terdiri dari tujuh orang ahli termasuk Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, dan keputusan hendaklah diterima dengan majoriti undi ahli-ahli yang hadir dan mengundi kecuali dalam hal persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(3) Tiada urusan, kecuali mengenai penangguhan, boleh dijalankan dan tiada ketetapan atau tindakan Lembaga boleh menjadi sah melainkan jika korum hadir.

(4) Lembaga boleh mengundang dalam mesyuaratnya mana-mana orang yang bukan ahli Lembaga jika urusan-urusan yang dihadapi mesyuarat tersebut menjadikan kehadiran orang tersebut dikehendaki dan orang yang diundang itu hendaklah berhak untuk mengambil bahagian dalam perbincangan tersebut, tetapi bukan untuk mengundi.

(5) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Aturan-Aturan ini, Lembaga boleh menetapkan prosedur mesyuaratnya sendiri dan membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan kewajipan-kewajibannya.

(6) Lembaga hendaklah menyebabkan supaya rekod prosiding mesyuaratnya yang betul disimpan.

Penamatan lantikan ahli Lembaga

7. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas nasihat Majlis, menamatkan lantikan mana-mana ahli Lembaga yang dilantik di bawah aturan 4(1) jika dia —

(a) secara bertulis kepada Majlis melalui Setiausaha Lembaga, meletakkan jawatannya;

(b) menjadi tidak siuman atau tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipannya;

(c) menjadi muflis atau menggantung pembayaran kepada atau membuat penyelesaian dengan pemiutang-pemiutangnya;

(d) disabitkan oleh mana-mana mahkamah atas suatu kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran, penipuan atau kekejian akhlak;

(e) tidak menghadiri, tanpa apa-apa sebab yang munasabah, mesyuarat-mesyuarat Lembaga sebanyak tiga kali berturut-turut; atau

(f) gagal mematuhi tugas dan kewajipannya di bawah Aturan-Aturan ini.

Kekosongan jawatan dalam Lembaga

8. (1) Jika mana-mana ahli Lembaga meninggal dunia atau ditamatkan keahliannya dalam mana-mana keadaan di bawah aturan 7 atau dengan cara lain mengosongkan jawatannya sebelum tamat tempoh lantikannya, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas nasihat Majlis, melantik orang lain yang layak bagi baki tempoh perlantikan ahli yang digantinya itu.

(2) Semua perbuatan yang dilakukan oleh Lembaga adalah, walaupun terdapat apa-apa kekosongan dalam Lembaga atau kemudiannya didapati bahawa terdapat kecacatan dalam lantikan mana-mana orang yang dikatakan sebagai ahlinya, sah seolah-olah kekosongan atau kecacatan tersebut tidak wujud.

Tanggungan ahli

9. Tiada ahli Lembaga boleh memikul apa-apa tanggungan persendirian kerana apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan dalam pentadbiran hal ehwal Tabung Dana melainkan jika

kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh suatu perbuatan atau peninggalan yang salah secara sengaja di pihaknya.

Pendedahan ahli-ahli mengenai kepentingan dalam urusan Tabung Dana

10. (1) Mana-mana ahli Lembaga yang mempunyai atau memperoleh secara langsung atau tidak olehnya sendiri, melalui rakan kongsi atau wakilnya —

(a) apa-apa bahagian atau kepentingan —

- (i) dalam apa-apa kontrak yang dikendalikan oleh Lembaga;
- (ii) dalam apa-apa kerja yang dibuat untuk Lembaga;
- (iii) dalam mana-mana syarikat atau firma atau berkaitan dengan apa-apa perniagaan di mana Lembaga bercadang hendak mengendalikan suatu kontrak dengannya; atau

(b) apa-apa kepentingan berfaedah ke atas tanah yang dicadangkan untuk diperolehi, dibeli oleh Majlis yang berkaitan dengan Tabung Dana atau dengan cara lain dikendalikan oleh Lembaga yang diketahuinya akan terbabit atau mungkin akan terbabit dalam apa-apa projek atau skim yang diluluskan atau dicadangkan untuk diluluskan oleh Majlis,

hendaklah mengisytiharkan jenis dan setakat mana bahagian atau kepentingan ahli berkenaan kepada Lembaga.

(2) Pengisytiharan yang dikehendaki dibuat oleh ahli di bawah aturan kecil (1) hendaklah dibuat pada mesyuarat Lembaga di mana apa-apa persoalan berkenaan dengan kontrak, perolehan, pembelian, urusan, projek atau skim itu pertama kalinya dipertimbangkan, atau jika pada tarikh mesyuarat itu ahli itu tidak mempunyai mana-mana bahagian atau kepentingan itu, pada mesyuarat yang berikutnya yang diadakan selepas dia memperoleh bahagian atau kepentingan itu, dan dalam hal jika seseorang ahli memperoleh mana-mana bahagian atau kepentingan sedemikian dalam mana-mana kontrak yang dikendalikan oleh Lembaga selepas kontrak itu dibuat, pengisytiharan tersebut hendaklah dibuat pada mesyuarat pertama yang diadakan selepas ahli itu memperoleh bahagian atau kepentingan itu.

(3) Bagi maksud-maksud Aturan-Aturan ini, suatu notis am yang diberikan oleh seseorang ahli kepada ahli-ahli lain yang bermaksud bahawa dia adalah seorang ahli dari mana-mana syarikat atau firma tertentu dan dikira sebagai berkepentingan dalam mana-mana kontrak yang, selepas tarikh notis itu, boleh dibuat dengan atau oleh syarikat atau firma itu, hendaklah dianggap sebagai suatu pengisytiharan kepentingan yang mencukupi berhubung dengan mana-mana kontrak atau permohonan yang dibuat demikian.

(4) Notis di bawah aturan kecil (3) hendaklah tidak mempunyai kuat kuasa melainkan jika ia diberi pada mesyuarat Lembaga atau ahli yang berkenaan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan supaya notis itu dibentangkan dan dibaca pada mesyuarat Lembaga yang berikutnya setelah ia diberi.

(5) Tiap-tiap pengisytiharan yang dibuat menurut aturan ini hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat di mana pengisytiharan itu dibuat atau dibaca.

(6) Seseorang ahli yang mempunyai apa-apa bahagian atau kepentingan hendaklah —

(a) tidak mengundi atas apa-apa ketetapan atau persoalan berhubung dengan mana-mana kontrak, perolehan, pembelian, urusan, projek atau skim yang dikendalikan oleh Lembaga di mana dia mempunyai mana-mana bahagian atau kepentingan, sama ada dia telah mengisytiharkannya atau tidak;

(b) tidak mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan (kecuali atas pelawaan Lembaga) atau membuat keputusan berhubung dengan kontrak, perolehan, pembelian, urusan, projek atau skim yang dikendalikan oleh Lembaga atau apa-apa perkara yang berkaitan dengannya, dan jika dia berbuat demikian undinya hendaklah tidak dikira; dan

(c) tidak dikira dalam korum yang hadir pada mesyuarat itu bagi maksud ketetapan atau persoalan itu.

Tugas dan kewajipan Lembaga

11. Lembaga adalah bertanggungjawab secara keseluruhannya kepada Majlis dan hendaklah, bagi maksud melaksanakan Aturan-Aturan ini —

(a) meneliti cadangan mendapatkan sumber Tabung Dana;

(b) meneliti cadangan belanjawan Tabung Dana;

(c) meneliti cadangan projek Tabung Dana;

(d) mengesahkan tuntutan pembayaran projek yang berkaitan dengan Tabung Dana;

(e) meneliti, mengesahkan dan mengemukakan kepada Majlis apa jua jumlah bayaran yang diperlukan bagi apa jua perkara yang berkaitan dengan Tabung Dana;

(f) menyemak dan mengemukakan kepada Majlis laporan mengenai semua perjalanan Tabung Dana dengan lengkap;

(g) tertakluk kepada kebenaran Majlis, dan bagi pihak Majlis, membeli, menjual, memindah milik, melupuskan, mencagar atau menggadai janji mana-mana aset jika Lembaga menganggap ia adalah demi kepentingan Tabung Dana;

(h) memberi apa jua arahan kepada Urus Setia bagi maksud pelaksanaan perjalanan Tabung Dana; dan

(i) tertakluk kepada kebenaran Majlis, melaksanakan perkara-perkara lain yang sah di sisi *Hukum Syara'* dan undang-undang bagi kepentingan Tabung Dana.

Tugas dan kewajipan Lembaga dalam kewangan Tabung Dana

12. Dalam hal ehwal kewangan Tabung Dana, Lembaga hendaklah bertanggungjawab dalam —

(a) memastikan bahawa rekod perakaunan disimpan dengan sempurna dan sewajarnya untuk menunjukkan dan menerangkan semua urusan Tabung Dana, dan yang akan dapat mendedahkan pada bila-bila masa, dengan ketepatan yang munasabah, kedudukan kewangan Tabung Dana pada masa itu, yang mengandungi —

(i) catatan-catatan yang menunjukkan dari hari ke hari semua jumlah wang yang disumbangkan kepada Tabung Dana dan dibelanjakan dari Tabung Dana, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya penerimaan dan perbelanjaan berlaku; dan

(ii) satu rekod aset dan tanggungan Tabung Dana;

(b) memastikan suatu penyata kewangan disediakan bagi setiap tahun kewangan Tabung Dana;

(c) memastikan suatu laporan tahunan disediakan bagi setiap tahun kewangan Tabung Dana yang mengandungi —

(i) laporan mengenai kegiatan-kegiatan Tabung Dana pada tahun itu; dan

(ii) maklumat lain berkaitan dengan Tabung Dana atau Lembaga;

(d) mengemukakan laporan tahunan kepada Majlis dalam tempoh 3 bulan dari penghujung tahun kewangan itu dan disertakan bersamanya penyata kewangan yang disediakan bagi tahun kewangan yang berkenaan di bawah aturan ini;

(e) mengemukakan cadangan belanjawan Tabung Dana kepada Majlis.

Lembaga mematuhi arahan Majlis

13. Dalam menjalankan kuasa dan melaksanakan tugas dan kewajipannya di bawah Aturan-Aturan ini, Lembaga hendaklah mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh Majlis.

BAHAGIAN 3

URUS SETIA

Urus Setia Tabung Dana

14. (1) Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, hendaklah menjadi Urus Setia Tabung Dana yang akan bertanggungjawab terhadap pentadbiran am dan perjalanan harian Tabung Dana.

(2) Pengarah Hal Ehwal Masjid hendaklah menjadi Ketua Urus Setia.

Tugas dan kewajipan Urus Setia

15. Urus Setia hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya kepada Lembaga, khususnya tetapi tidak terhad dalam —

(a) mengutip, menerima dan menguruskan wang Tabung Dana yang disumbangkan daripada orang ramai dan institusi-institusi kerajaan dan bukan kerajaan;

(b) merancang projek dan merangka kertas kerja projek bagi mendapatkan sumber Tabung Dana;

(c) mengadakan perundingan dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan projek;

(d) memastikan projek berjalan lancar;

(e) menyediakan dan mengemukakan laporan perjalanan tiap-tiap projek itu kepada Lembaga;

(f) menyemak, meneliti dan mengedarkan tuntutan pembayaran projek untuk disahkan oleh Lembaga;

(g) menyediakan dan menyimpan rekod perakaunan dan penyata kewangan Tabung Dana;

(h) menyediakan dan mengemukakan laporan tahunan kepada Lembaga;

(i) menyediakan dan mengemukakan cadangan belanjawan Tabung Dana kepada Lembaga;

(j) melaksanakan keputusan-keputusan Majlis dan perkara-perkara lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis bagi maksud memenuhi peruntukan Akta dan Aturan-Aturan ini; dan

(k) lain-lain perkara yang mungkin diarahkan oleh Lembaga.

BAHAGIAN 4

KUASA MAJLIS

Kuasa-kuasa Majlis

16. (1) Majlis hendaklah mempunyai kuasa-kuasa am ke atas Tabung Dana untuk —

(a) membenarkan dan meluluskan apa-apa cadangan projek Tabung Dana;

(b) membenarkan dan meluluskan pengeluaran wang kutipan dari Tabung Dana bagi penggunaan di bawah bab 123B; dan

(c) membeli apa-apa aset menggunakan wang Tabung Dana jika Majlis menganggapnya demi kepentingan Tabung Dana.

(2) Bagi maksud-maksud Aturan-Aturan ini, Majlis boleh menerima sumbangan wang bagi tujuan-tujuan penggunaan di bawah bab 123B.

(3) Majlis boleh menjual, memindah hak, menyerah hak, menyerah balik dan menghasilkan, melupakan, mencagar atau menggadai janji, memajak, menyerah hak semula, memindah milik atau dengan jalan lain melepaskan, atau mengendalikan, mana-mana aset Tabung Dana, yang diletak dalam tangan Majlis, jika Majlis menganggapnya demi kepentingan Tabung Dana.

Majlis mewakilkan tugas dan kuasa

17. (1) Majlis boleh mewakilkan kepada Lembaga perjalanan mana-mana kuasa atau pelaksanaan mana-mana kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepada Majlis oleh Aturan-Aturan ini, kecuali bagi kuasa perwakilan yang diberikan oleh Aturan-Aturan ini.

(2) Suatu perwakilan di bawah aturan kecil (1) boleh dibuat tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis dalam suratcara perwakilan.

(3) Majlis boleh terus menjalankan mana-mana kuasa dan melaksanakan mana-mana kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepadanya walaupun kuasa itu diwakilkan kepada Lembaga.

Kuasa membuat arahan-arahan

18. (1) Majlis boleh mengeluarkan kepada Lembaga arahan-arahan yang tidak berlawanan dengan Aturan-Aturan ini mengenai dasar yang perlu diikuti dalam menjalankan kuasa yang diberikan dan kewajipan yang dikenakan ke atas Lembaga di bawah Aturan-Aturan ini.

(2) Majlis boleh membuat apa-apa arahan yang diperlukan pada amnya dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan di bawah Aturan-Aturan ini yang berkaitan dengan Tabung Dana dan boleh dalam arahan-arahan tersebut menetapkan —

(a) cara kutipan dan pembayaran wang ke dalam Tabung Dana dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya;

(b) prosedur memasukkan dan mengeluarkan wang Tabung Dana;

(c) had pengeluaran wang Tabung Dana;

(d) borang dan daftar yang digunakan; dan

(e) perkara-perkara lain yang perlu dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan di bawah Aturan-Aturan ini.

Akaun Tabung Dana

19. (1) Majlis hendaklah membuka dan menyelenggarakan akaun bank bagi Tabung Dana sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Semua wang yang diterima untuk kegunaan Tabung Dana oleh Majlis atau bagi pihak Majlis hendaklah dimasukkan ke dalam akaun Tabung Dana.

(3) Pembayaran oleh Majlis bagi jumlah yang melebihi \$50 hendaklah dibuat dengan cek.

(4) Cek-cek yang dikeluarkan atas akaun Tabung Dana hendaklah ditandatangani oleh Yang Dipertua atau Naib Yang Dipertua dan Setiausaha Majlis.

BAHAGIAN 5

AM

Audit

20. (1) Akaun dan penyata kewangan Tabung Dana hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah diberi kuasa untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggagal 39) untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Majlis:

Dengan syarat bahawa jika akaun Tabung Dana telah diaudit oleh orang yang dilantik di bawah perenggan (b), akaun itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum dikemukakan kepada Majlis menurut aturan 12(d).

(2) Juruaudit itu hendaklah menyatakan dalam laporannya —

(a) sama ada penyata kewangan itu menunjukkan secara wajar transaksi kewangan dan keadaan hal ehwal Tabung Dana;

(b) sama ada rekod perakaunan dan rekod lain yang sepatutnya telah disimpan, termasuk rekod semua aset Tabung Dana sama ada dibeli, didermakan atau selainnya;

(c) sama ada resit-resit, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset oleh Lembaga itu dalam tahun kewangan adalah menurut Akta ini; dan

(d) perkara lain yang berbangkit daripada pengauditan itu sebagaimana yang dianggapnya perlu untuk dilaporkan.

(3) Juruaudit itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas akaun itu dikemukakan untuk diaudit, menghantar suatu laporan pengauditannya kepada Lembaga.

(4) Juruaudit itu hendaklah mengemukakan laporan-laporan berkala dan khas kepada Lembaga dan kepada Majlis yang pada pendapatnya diperlukan atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga atau Majlis itu.

(5) Upah juruaudit hendaklah dibayar daripada Tabung Dana itu.

Kuasa juruaudit

21. (1) Juruaudit itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya adalah berhak pada setiap masa yang munasabah mendapat akses penuh dan bebas kepada semua rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan transaksi kewangan Tabung Dana.

(2) Juruaudit itu atau orang yang diberi kuasa olehnya boleh membuat salinan atau mengambil petikan daripada mana-mana rekod perakaunan atau rekod lain itu.

(3) Juruaudit itu boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberikan kepadanya maklumat yang dimiliki oleh orang itu atau yang dapat diakses oleh orang itu sebagaimana yang dianggap perlu oleh juruaudit itu bagi maksud tugas-tugasnya di bawah Aturan-Aturan ini.

(4) Mana-mana orang yang enggan atau gagal tanpa apa-apa sebab yang munasabah untuk memberikan juruaudit itu akses kepada mana-mana rekod perakaunan dan rekod lain Tabung Dana yang dalam jagaan atau kuasanya atau untuk memberikan apa-apa maklumat yang dimilikinya bila-bila dikehendaki atau yang selainnya menyekat, menghalang atau melambatkan juruaudit itu dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Aturan-Aturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000 dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$100 bagi tiap-tiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Pengemukaan penyata kewangan dan laporan beraudit

22. (1) Sebaik sahaja akaun Tabung Dana dan penyata kewangan telah diaudit menurut peruntukan-peruntukan Aturan-Aturan ini, satu salinan penyata kewangan beraudit yang ditandatangani oleh Pengerusi, berserta dengan satu salinan apa-apa laporan yang dibuat oleh juruaudit itu, hendaklah dikemukakan kepada Majlis.

(2) Jika Juruaudit Agung bukan juruauditnya, satu salinan penyata kewangan beraudit dan apa-apa laporan yang dibuat oleh juruaudit itu hendaklah dikemukakan kepada Juruaudit Agung pada masa yang sama dengan masa ia dikemukakan kepada Majlis.

(3) Majlis hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, menyebabkan satu salinan penyata kewangan beraudit dan laporan juruaudit untuk disebarkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(4) Penyata kewangan beraudit hendaklah disiarkan dalam Warta Kerajaan.

Pengecualian wang dan hasil Tabung Dana

23. Tabung Dana hendaklah dikecualikan daripada kehendak-kehendak di bawah Akta Kawalan Kutipan Derma (Panggal 91).

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1447 bersamaan dengan 8 haribulan Januari, 2026 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**